



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN PENILAIAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS) BAGI MATA
PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN; SATU KAJIAN DELPHI**

WAN MOHD HELMI BIN WAN HANAFI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PERAKAUNAN)
MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

22.10.2012

WAN MOHD HELMI BIN WAN HANAFI
M20091000285





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپريسي قديدين سلطان ادرس

UPS/IPS-3/BO 31
Pind.: 00 m/s: 1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION FORM**

Tajuk / Title:

PELAKSANAAN PENILAIAN BEBASAKAN SEKOLAH (PBS)
BAGI MATA PELATAPAN PRINSIP PERAKAUNAN : SATU
KAJIAN DELPHI

No. Matrik / Matric's No.:

M20091000285

Saya / I:

WAN MOHD HELMI BIN WAN HANAFI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

MT
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 3 DISEMBER 2012

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

Dr. Norlia Bt Mat Norwani
Pensyarah Kanan
Jabatan Perakaunan dan Kewangan
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Dilampirkan bersama di dalam Tesis/Disertasi (jilid keras), selepas lampiran Pengakuan



PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana telah memberi kekuatan kepada diri saya untuk menyiapkan disertasi ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya; Dr. Norlia Bt. Mat Norwani yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan disertasi ini. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar, membimbing, menasihati serta memberi semangat kepada saya sehingga disertasi ini siap. Segala jasa, bantuan serta pertolongan daripada beliau tidak mampu saya balas. Hanya Allah yang mampu membalas segala pertolongan tersebut.

Tidak ketinggalan juga saya ucapkan terima kasih kepada semua pensyarah yang mengajar dan membimbing saya sepanjang pengajian ini, rakan-rakan seperjuangan yang berkongsi suka duka dalam menyiapkan disertasi ini serta staf Fakulti Pengurusan dan Ekonomi dan kakitangan Institut Pengajian Siswazah yang banyak membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada guru-guru Prinsip Perakaunan yang telah sudi meluangkan masa dan tenaga bagi menjayakan kajian ini. Segala sumbangan kalian akan dapat membantu menjayakan transformasi pendidikan negara.

Akhir sekali saya menyanjung tinggi segala pengorbanan, doa serta dorongan daripada keluarga tercinta terutama isteri tercinta, Suhailah Bt. Muhamad dan kedua ibu bapa tersayang iaitu Hj. Wan Hanafi Bin Wan Hassan dan Hj. Rokiah Bt. Mohamad Noor. Buat permata hatiku, Wan Hassan Faqihi dan Wan Hassan Fitri semoga menjadi perangsang kepada anakanda berdua untuk berjaya.



ABSTRAK

Bermula tahun 2010, Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah memperkenalkan penilaian berasaskan sekolah (PBS) bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Pengenalan PBS ini bertujuan untuk memastikan sistem penilaian di negara kita berubah sejajar dengan perubahan sistem pendidikan yang lebih dinamik dan holistik. Langkah ini diperkenalkan kerana kelemahan dalam sistem penilaian berpusatkan peperiksaan yang menyebabkan para pelajar dan guru terperangkap dengan teori dan soalan-soalan peperiksaan yang lepas tanpa memahami secara praktikal apa yang dipelajari oleh mereka. Justeru pengenalan PBS merupakan satu lagi transformasi dalam sistem pendidikan negara kita bagi mencapai Falsafah Pendidikan Negara. Namun begitu, pelaksanaan PBS bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan masih lagi di peringkat awal. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan persetujuan dan kesepakatan panel pakar tentang cadangan penambahbaikan PBS berdasarkan masalah-masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan PBS. Pengkaji menggunakan kaedah Delphi untuk mendapatkan hasil dapatan kajian. Teknik ini melibatkan tiga pusingan di mana pusingan pertama melibatkan proses temu bual bagi membentuk instrumen kajian. Pusingan kedua dan ketiga pula melibatkan proses soal selidik. Seramai 12 orang sampel yang terdiri daripada guru-guru yang berpengalaman dan pakar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan terlibat dalam dua pusingan soal selidik tersebut. Data daripada kajian Delphi telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science 17.0* (SPSS 17.0) bagi memperolehi skor-skor median dan Julat Antara Kuartil (JAK). Skor median dan Julat Antara Kuartil (JAK) menggambarkan tahap persetujuan dan kesepakatan di kalangan panel pakar. Dapatan kajian ini telah mengenal pasti dua puluh isu permasalahan dalam pelaksanaan PBS serta empat belas cadangan penambahbaikan mengikut aspek-aspek yang ditetapkan. Antara aspek yang dikemukakan ialah aspek pelajar, guru, pentadbir, prasarana, pengurusan fail, masa, ibu bapa, kewangan dan pentaksiran. Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mengenalpasti masalah dalam pelaksanaan PBS serta cadangan penambahbaikan mengikut perspektif pakar bagi memastikan kejayaan pelaksanaan PBS.



THE IMPLEMENTATION OF SCHOOL-BASED ASSESSMENT (SBA) FOR PRINCIPLE OF ACCOUNTING SUBJECT: A DELPHI STUDY

ABSTRACT

Beginning 2010, the Malaysian Examination Syndicate (MES) introduced School-Based Assessment (SBA) for Principle of Accounting subject. The introduction of SBA is to ensure that the assessment system in our country evolve more dynamically and holistically in line with the changes in the education system. This step was introduced due to the weaknesses in the examination-oriented assessment system which has caused students and teachers to be caught up with theories and examination questions without a practical understanding of what they have learnt. Hence, the introduction of SBA is another transformation in our nation's education system to achieve the National Education Philosophy. However, the implementation of SBA for Principle of Accounting subject is still at an early stage. This study aimed to obtain approval and consensus from expert panels for improvement SBA based on the problems encountered during its implementation process. The Delphi technique has been employed for this study involving three stages. An interview session was conducted to form a research instrument in the initial stage. Subsequently, in the second and third stage, a set of questionnaire was administered to a representative sample of 12 experienced and expert Accounting teachers. Data from the Delphi study were analyzed using *Statistical Package for Social Science* 17.0 (SPSS 17.0) to obtain the median scores and inter-quartile range (IR). The median and inter-quartile range (IR) score described the level of agreement and consensus among the expertise. The findings of this study identified twenty problems with regard to the implementation process of SBA and fourteen suggestions for improvement according to the prescribed aspects. Those aspects are summarized into the categories of the students, teachers, administrators, infrastructure, file management, time, parents, finance and assessment. In conclusion, this study has successfully explored the problems in the implementation of SBA and possible implications of the enhancement to ensure the success of the SBA implementation according to the perspective of the experts.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1 PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Latar Belakang Masalah Kajian	7
1.4 Pernyataan Masalah	10
1.5 Rasional Kajian	13
1.6 Objektif Kajian	14
1.7 Soalan Kajian	14
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	15
1.9 Definisi Operasional	18
1.9.1 Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS)	18
1.9.2 Teknik Delphi	19



1.9.3 Panel Pakar	20
1.10 Kepentingan Kajian	21
1.11 Batasan Kajian	23
1.12 Rumusan	24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	25
2.2 Penilaian Berasaskan Sekolah	26
2.3 Matlamat Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	33
2.4 Pengenalan Format Pentaksiran Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	36
2.4.1 Asas-Asas Pertimbangan	37
2.4.2 Objektif Pentaksiran	38
2.5 Teori-Teori Berkaitan PBS	41
2.5.1 Model Penilaian Berasaskan Sekolah di Malta	41
2.5.2 Model Penilaian Formatif Berasaskan Sekolah di Hong Kong	42
2.5.3 Model Penilaian Berterusan di Zambia	44
2.6 Isu-Isu Dalam Penilaian Berasaskan Sekolah	46
2.6.1 Pihak Sekolah (Pentadbir dan Guru)	46
2.6.2 Pelajar	49
2.6.3 Prasarana	50
2.6.4 Masa	51



2.7 Teknik Delphi	52
2.8 Kajian-Kajian Tempatan	54
2.9 Kajian-Kajian Luar Negara	56
2.10 Rumusan	58

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	59
3.2 Reka Bentuk Kajian	60
3.3 Pengumpulan Data	70
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	71
3.5 Saiz Sampel	74
3.6 Instrumen Kajian	75
3.6.1 Reka Bentuk Soal Selidik	76
3.6.1.1 Bahagian I: Maklumat Pakar	76
3.6.1.2 Bahagian II: Kaedah Terbaik	77
Pelaksanaan PBS	
3.6.1.3 Bahagian III: Masalah Pelaksanaan PBS	81
3.7 Kajian Rintis	86
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	87
3.9 Prosedur Analisis Data	88
3.9.1 Data Temu Bual	88
3.9.2 Data Kajian Delphi	88
3.10 Rumusan	92



**BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

4.1 Pengenalan	93
4.2 Analisis Profil Responden	94
4.2.1 Jantina Pakar	94
4.2.2 Tempoh Mengajar Prinsip Perakaunan	95
4.2.3 Tempoh Terlibat Dengan PBS	96
4.2.4 Kelayakan Akademik	96
4.3 Jangkaan Panel Pakar Mengenai Pelaksanaan PBS Pada Masa Depan	97
4.4 Kesepakatan Panel Pakar Tentang Masalah Pelaksanaan PBS	112
4.5 Rumusan	131

**BAB 5 RUMUSAN DAN IMPLIKASI**

5.1 Pengenalan	132
5.2 Ringkasan Kajian	133
5.3 Perbincangan Keputusan Kajian	135
5.3.1 Aspek Pelajar	136
5.3.2 Aspek Guru	138
5.3.3 Aspek Pentadbir	141
5.3.4 Aspek Kemudahan Prasarana	143
5.3.5 Aspek Pengurusan Fail Pentaksiran dan Kerja Kursus	145





5.3.6 Aspek Masa	146
5.3.7 Aspek Penglibatan Ibu Bapa	148
5.3.8 Aspek Kewangan	150
5.3.9 Aspek Pentaksiran	151
5.4 Implikasi Kajian dan Cadangan	153
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	157
5.6 Rumusan	158

RUJUKAN	159
----------------	-----

LAMPIRAN A	Pengesahan Instrumen	165
-------------------	-----------------------------	-----

LAMPIRAN B	Soal Selidik Kajian	167
-------------------	----------------------------	-----

LAMPIRAN C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	177
-------------------	---	-----

LAMPIRAN D	Surat Jemputan Menyertai Kajian	180
-------------------	--	-----

LAMPIRAN E	Surat Persetujuan Peserta Kajian	182
-------------------	---	-----



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Dapatan Temu Bual	65
3.2 Maklumat Panel Pakar	68
3.3 Sampel Kajian	75
3.4 Skala Likert 5 Poin	77
3.5 Tahap Persetujuan Ke Atas Item	89
3.6 Tahap Kesepakatan Ke Atas Item	90
3.7 Reka Bentuk Kajian	91
4.1 Jantina	94
4.2 Tempoh Mengajar Prinsip Perakaunan	95
4.3 Tempoh Terlibat Dengan PBS	96
4.4 Kelayakan Akademik	96
4.5 Perincian Analisis Data Kajian Delphi Bagi Sesi Pusingan Pertama: Jangkaan Pelaksanaan PBS Pada Masa Depan	98
4.6 Ciri-Ciri Tambahan Berkaitan Dengan Kaedah Terbaik Melaksanakan PBS Dari Aspek Kemudahan Prasarana	102
4.7 Ciri Tambahan Berkaitan Dengan Kaedah Terbaik Melaksanakan PBS Dari Aspek Masa	104
4.8 Kaedah Terbaik dan Ciri-ciri Tambahan Berkaitan Dengan Pelaksanaan PBS Mata Pelajaran Prinsip	104

Perakaunan

4.9	Perincian Analisis Data Kajian Delphi Bagi Sesi Pusingan Kedua: Jangkaan Pelaksanaan PBS Pada Masa Depan	106
4.10	Perincian Analisis Data Kajian Delphi Bagi Sesi Pusingan Pertama: Masalah Dan Ciri-Cirinya	113
4.11	Ciri Tambahan Berkaitan Dengan Permasalahan Melaksanakan PBS Dari Aspek Masa	121
4.12	Masalah dan Ciri-ciri Tambahan Berkaitan Dengan Permasalahan Melaksanakan PBS	122
4.13	Perincian Analisis Data Kajian Delphi Bagi Sesi Pusingan Kedua: Masalah Dan Ciri-Cirinya	123

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	17
3.1 Carta Alir Kajian	62
5.1 Model Pelaksanaan PBS	152

**SENARAI SINGKATAN**

KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PBS	Penilaian Berasaskan Sekolah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PKBS	Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah
PKSR	Penilaian Kendalian Sekolah Rendah
PKSM	Penilaian Kendalian Sekolah Menengah
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
TGBP	Tabung Gunasama Bahan Penilaian
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
LCCI	<i>London Chambers Of Commerce And Industry</i>
ACCA	<i>The Association Of Chartered Certified Accountants</i>
LPHK	Lembaga Peperiksaan Hong Kong
PMR	Penilaian Menengah Rendah
JPNS	Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
P&P	Pengajaran Dan Pembelajaran
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik Vokasional
OP	Objektif Pentaksiran
TMK	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
JAK	Julat Antara Kuartil
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
F	Frekuensi
M	Median





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 PENGENALAN

Bagi merintis perubahan dan pembaharuan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) bertujuan untuk menambahbaik, memantap dan memperbaharui amalan pentaksiran dan penilaian pendidikan di Malaysia. Sistem baru ini bersifat holistik dari segi perkara ditaksir, kaedah mentaksir, pentaksir serta perkara dilaporkan dan pengiktirafan (Institut Aminuddin Baki, 2009). Budaya peperiksaan memberi kesan kepada kurikulum, pedagogi dan penilaian di mana penilaian formatif (penilaian berasaskan sekolah) mesti dipertimbangkan dalam konteks budaya yang luas untuk dilaksanakan (Kennedy, Jacqueline Kin, Ping Kwan Fok





& Wai Min Yu, 2007). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (KPM, 2007) menyatakan bahawa cabaran terbesar yang dihadapi oleh KPM pada dekad ini ialah untuk mengurangkan pembelajaran berorientasikan peperiksaan. Bagi mencapai matlamat ini, pelan pembangunan pendidikan telah mencadangkan pengenalan sistem pengredan berasaskan sekolah dengan menekankan penilaian berasaskan tugas.

Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan salah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBS dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Bagi menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisma penyelarasan dan pemantauan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah (Rosli Ilyas, 2008).

Kaedah ini memerlukan pembabitan aktif guru dalam mengubal soalan dan menentukan jenis penilaian yang hendak digunakan. Dalam erti kata lain guru mestilah berpengetahuan dan berkemahiran dalam menjalankan penilaian pembelajaran murid. Penilaian atau pentaksiran berasaskan sekolah membolehkan guru menilai apa jua aktiviti yang difikirkan sesuai dipelajari murid, bukan sahaja perkara yang berkaitan dengan akademik tetapi juga perkara yang berkaitan dengan pembinaan sahsiah, adab, akhlak dan kemahiran sosial yang dikehendaki oleh majikan dan masyarakat. Dengan cara ini murid dan guru tidak lagi memberi fokus kepada peperiksaan umum tetapi lebih kepada proses





mendidik murid menjadi seorang yang berpengetahuan, berkemahiran dan mempamerkan akhlak mulia (Zakaria Kasa, 2010).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam pengajaran dan pembelajaran yang juga tidak terpisah dengan penilaian kerana dalam pendidikan, produknya ialah kualiti insan. Penilaian adalah satu aspek yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk mengukur dan menggambarkan perkembangan dan pencapaian murid dalam aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Di dalam kurikulum lama, penekanannya hanya mementingkan aspek kognitif iaitu yang menegaskan kepada ilmu pengetahuan itu sendiri. Oleh itu penilaian dalam kurikulum hanya bertujuan untuk mengukur sejauh mana kandungan ilmu itu dikuasai oleh pelajar yang diuji. Kurikulum baru iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) di peringkat rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di peringkat menengah pula sangat menekankan kepada nilai, sikap serta amalan seseorang yang berilmu setaraf dengan ilmu yang diperoleh iaitu penilaian seharusnya dapat memberikan bukan hanya mengenai status dan prestasi murid tetapi juga kepada perubahan tingkah laku (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003).

Pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan pada masa kini adalah berpusatkan guru dan latih tubi individu (Suhaida Abdul Kadir, 2002). Namun begitu, tidak semua pelajar dapat mengikuti pendekatan tersebut dengan baik.





Berdasarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009, mata pelajaran Prinsip Perakaunan telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Daripada 85,382 orang calon, 81% calon telah lulus dalam subjek ini. Hanya 19% daripada jumlah calon gagal dalam peperiksaan tersebut. Gred purata mata pelajaran adalah 5.14 lebih baik berbanding dengan gred purata nasional iaitu 5.34 (Narzuki Yaakub, 2010). Walaupun menunjukkan peningkatan, namun gred purata subjek ini masih lagi ketinggalan jauh berbanding gred purata subjek-subjek lain. Bilangan pelajar yang gagal masih lagi tinggi iaitu 16,223 orang gagal dalam subjek Prinsip Perakaunan dalam peperiksaan SPM 2009. Bilangan pelajar yang gagal perlu diberi perhatian agar guru dapat mengenal pasti apa kelemahan yang wujud dalam strategi pengajaran mereka bagi mengatasi masalah tersebut.



Justeru bagi menilai aspek bukan kognitif seperti nilai, sikap, perubahan tingkah laku, kemahiran dan proses sesuatu kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran, maka penilaian yang sesuai dilaksanakan ialah PBS. PBS bermaksud menilai diri sendiri dengan penuh rasa tanggungjawab dan kejujuran untuk memperbaiki dan meningkatkan keupayaan masing-masing sama ada orang yang dinilai atau yang menilai. PBS telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara kita sejak tahun 1987 lagi (Omar Mohd Hashim, 1993).

PBS secara rasminya di Malaysia dinamakan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS). PKBS ialah satu sistem pentaksiran terancang dan menyeluruh yang meliputi semua domain pembelajaran dengan mengumpulkan maklumat kemajuan pelajar





yang berorientasikan panduan untuk mengurangkan kelemahan dan memperkukuhkan kekuatan pelajar dalam pembelajaran (Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) Universiti Sains Malaysia, 2002). Bagi Kurikulum Bersepadu yang diwujudkan oleh KPM, PKBS bagi sekolah rendah ialah Penilaian Kendalian Sekolah Rendah (PKSR) dan bagi sekolah menengah dinamakan sebagai Penilaian Kendalian Sekolah Menengah (PKSM) (Abdullah Sani Yahaya, 2003). PKBS secara keseluruhannya meliputi proses merancang, mereka bentuk, membina, dan menilai instrumen pentaksiran, menjalankan pentaksiran, memberi skor dan melaporkan prestasi pelajar yang kesemuanya dilakukan oleh guru di sekolah masing-masing. Ini adalah perubahan besar yang dilakukan dalam sistem penilaian pendidikan negara daripada sistem peperiksaan berpusat kepada sistem penilaian berasaskan sekolah. Sistem ini diperkenalkan pada tahun 1991 bagi mata pelajaran Sejarah, Geografi, Kemahiran Hidup Bersepadu, Pendidikan Seni dan Moral di peringkat sekolah menengah. Di sekolah rendah pula, PKBS mula dilaksanakan pada tahun 1987 di 305 buah sekolah. Pelaksanaan Terhadap KBSR ialah pada tahun 1988 di semua sekolah rendah di seluruh negara (Omar Mohd Hashim, 1993).

Bermula pada tahun 2010, LPM telah memperkenalkan format baru mata pelajaran Prinsip Perakaunan SPM. Di dalam format baru tersebut, LPM telah memperkenalkan Kertas 3 (Tugasan projek) iaitu tambahan kepada Kertas 1 (Soalan Objektif) dan Kertas 2 (Soalan Subjektif). Bagi kertas 3 iaitu tugasan projek (PBS), pelajar tingkatan 4 telah dikehendaki menyiapkan satu tugasan di mana mereka perlu menyediakan set dokumen perniagaan lengkap, membuat buku catatan pertama, pos ke lejar dan menyediakan penyata kewangan yang lengkap bagi sebuah perniagaan yang





dimiliki oleh mereka. Selanjutnya pelajar Tingkatan 5 pula dikehendaki menyediakan analisis penyata kewangan perniagaan serta membuat cadangan terhadap kemajuan perniagaan. Perubahan terhadap sistem ini diperlukan sejajar dengan kehendak KBSM yang tidak hanya menekan kepada aspek kognitif sebaliknya mengambil kira penilaian terhadap aspek afektif dan psikomotor.

Matlamat akhir PBS ialah menyediakan laporan murid yang lengkap di akhir persekolahan termasuklah aspek kemahiran, pengetahuan, nilai dan sikap. Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) telah bekerjasama mentadbir secara berpusat di peringkat daerah dan zon bagi membantu guru-guru untuk melicinkan pelaksanaannya. Pihak kementerian menggalakkan guru-guru menyimpan ujian-ujian dalam tabung yang dinamakan Tabung Gunasama Bahan Penilaian (TGBP) sebagai rujukan atau dapat digunakan semula (Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, 1993).

Namun di sudut lain apabila PBS ingin dijadikan asas untuk tujuan pensijilan atau pemilihan sesuatu tujuan, PBS menjadi persoalan yang kompleks dan kontroversi. Dalam konteks pelaksanaan PBS di Malaysia terdapat dua mod iaitu:

- PBS dilaksanakan oleh guru-guru tanpa kawalan piawai oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
- PBS mula dilaksanakan berdasarkan arahan-arahan piawai daripada KPM yang digubal oleh Lembaga Peperiksaan dengan kerjasama Pusat Perkembangan





Kurikulum (PPK) melalui buku panduan pentaksiran seperti untuk PEKA, PAFA, Sains, Kemahiran Hidup Bersepadu, Geografi, Sejarah dan Prinsip Perakaunan

1.3 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Setelah sekian lama PBS dilaksanakan pelbagai persoalan timbul kerana sejarah dan budaya pendidikan negara menyukarkan pelaksanaan secara tuntas. Sistem PBS di Australia misalannya berkembang bersama-sama dengan sejarah persekolahan di negara itu yang beroperasi hasil usaha komuniti tempatan masing-masing. Penekanan kurikulum sekolahnya adalah mengikut kehendak keadaan persekitaran komuniti itu. Apabila sistem pendidikan berkembang dengan kemajuan di bidang-bidang ini, unsur penglibatan komuniti tempatan masih wujud. Perkembangan begini melahirkan tradisi pentadbiran dan pendidikan termasuk penilaian berasaskan sekolah dengan lebih mudah dan berkesan (Omar Mohd Hashim, 1993). Justeru sistem PBS hendaklah dilihat daripada segi tradisi dan budaya pentadbiran pendidikan sesebuah negara. Perubahan daripada sistem berpusat kepada penilaian yang berasaskan sekolah dengan sepenuhnya memerlukan perubahan tradisi dan budaya dan hal ini tidak boleh dilaksanakan dalam tempoh yang singkat.

Pemantapan sistem PBS di Australia bertapak atas tradisi terpencar dan bukan berpusat. Tradisi ini sesuai untuk pelaksanaan sistem PBS. Tradisi di Malaysia adalah tradisi berpusat dan satu jangka masa yang panjang untuk semua pihak membuat penyesuaian. Dengan latar belakang sistem pendidikan berpusat wujudlah keseragaman





masalah dalam pelaksanaan PBS. Masalah timbul daripada segi persediaan pihak sekolah (guru dan pentadbir), pihak luar sekolah/ komuniti (ibu bapa) dan prasarana.

Apabila PBS dilaksanakan secara berpusat timbul kekeliruan dalam kalangan guru. Setelah dilaksanakan timbul pelbagai persoalan dan isu besar yang menjejaskan pelaksanaannya dengan berkesan. Di antara persoalan yang timbul ialah guru-guru masih belum memahami konsep dan matlamat PBS yang sebenarnya. Mereka masih menganggap PBS adalah peperiksaan formal. Guru-guru tidak memahami bahawa PBS adalah bertujuan untuk membantu guru-guru mengesan pencapaian serta kemajuan murid supaya tindakan susulan yang sesuai dapat dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran (Rohayah Ishak, 2007). Selain daripada itu, guru-guru juga memerlukan bimbingan dan panduan tentang cara-cara membina alat penilaian yang bermutu sama ada dalam bentuk soalan, senarai semak dan sebagainya terutama dalam bidang afektif dan psikomotor yang melibatkan penilaian terhadap nilai, sikap, kemahiran dan amalan murid.

Soal rekod prestasi dan rekod profil murid yang harus disimpan untuk membantu guru menyemak penguasaan dan pencapaian murid juga dikatakan sebagai sesuatu yang membebaskan guru. Walhal, penyimpanan rekod adalah penting untuk penilaian supaya tindakan susulan dapat dijalankan dengan berkesan. Rungutan-rungutan sebegini menggambarkan ketidakfahaman guru pada kepentingan rekod-rekod tersebut (Saedah Siraj, Khatijah P. Konyalan & M. Faisal, 2007).





Penekanan guru-guru pada peperiksaan awam bertulis juga menjejaskan pelaksanaan PBS. Guru-guru lebih menekankan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas serta ingin menghabiskan sukatan pelajaran. Akibatnya pelaksanaan PBS tidak dapat disiapkan dengan sempurna. Di samping itu juga, penubuhan TGBP menimbulkan masalah penyediaan item berkualiti kepada pihak sekolah. Ini membayangkan guru-guru tidak mempunyai kepakaran dan memerlukan bimbingan dalam hal ini di peringkat sekolah.

Persoalan-persoalan ini menimbulkan kontroversi bagi memantapkan pelaksanaan PBS. Apabila penilaian berpusat dilaksanakan, timbul persoalan mengenai terlalu *exam oriented* yang pastinya menimbulkan pelbagai masalah. Sebaliknya, apabila dilaksanakan PBS timbul persoalan kepakaran dan kemampuan guru untuk membina item yang memiliki ciri-ciri kesahan, kebolehpercayaan dan bermutu untuk dijadikan asas kepada pensijilan. Apabila PBS dilaksanakan secara berpusat, item disediakan oleh LPM, maka akan mengurangkan daya kreativiti dan inovasi dalam kalangan murid-murid dan guru-guru untuk menterjemahkan KBSM dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mewujudkan modal insan yang diharap bagi mengisi wawasan 2020.

Penekanan kepada penilaian berorientasikan peperiksaan menyebabkan semua pihak berfokuskan kepada pencapaian cemerlang pelajar dalam peperiksaan awam. Akibatnya, buku-buku model contoh soalan dan soalan ramalan bercambah di pasaran dengan pelbagai gaya persembahan untuk menarik minat guru, ibu bapa dan murid untuk membelinya. Kebocoran soalan peperiksaan awam juga menimbulkan kesangsian



terhadap ketelusan sistem peperiksaan di negara kita. Calon-calon peperiksaan awam sanggup membeli senaskhah kertas soalan dengan nilai ribuan ringgit dengan alasan bagi mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Semua fenomena ini mendorong pihak LPM melakukan perubahan terhadap sistem penilaian pendidikan di Malaysia kepada PBS di samping untuk menilai aspek afektif dan psikomotor selain daripada aspek kognitif.

Justeru, kajian ini akan dilakukan untuk mendapatkan persetujuan pakar apakah bentuk PBS Prinsip Perakaunan yang sesuai dilaksanakan oleh pelajar pada masa depan agar matlamat untuk melahirkan modal insan yang berketerampilan yang seimbang antara kognitif, afektif dan psikomotor menjadi realiti bagi mengisi pasaran tenaga kerja di samping mencapai misi dan visi nasional.

1.4 PERNYATAAN MASALAH

Terdapat kritikan keras terhadap pendidikan negara yang dikatakan terlalu berorientasikan peperiksaan dan peperiksaan merupakan *the tail that wags the dogs* dalam sistem pendidikan (Omar Mohd Hashim, 2003). Bebanan kerja sekolah yang banyak, ujian bulanan, latih tubi serta latihan-latihan yang lain merupakan ciri-ciri yang ada pada bilik darjah di negara Asia (Kennedy *et al.* , 2007). Dalam satu laporan panel, sekolah di Hong Kong telah digambarkan sebagai *obsessive concern* dengan ujian. Sepanjang tempoh persekolahan, kanak-kanak di negara tersebut akan melalui lapan set



peperiksaan pemilihan; daripada temuduga untuk memasuki prasekolah sehingga peperiksaan tahap tinggi menengah 7 (13 tahun) bagi memasuki institusi yang lebih tinggi (Yung, 2006).

Anggapan bahawa peperiksaan membawa kepada natijah-natijah negatif yang menjadi penentuan kepada pengajaran, kaedah serta sikap guru bukanlah tidak berasas. Antara natijah-natijah yang dapat kita perhatikan dalam kalangan masyarakat kita kini ialah ibu bapa berlumba-lumba menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas tuisyen seawal di peringkat prasekolah lagi demi untuk memastikan anak-anak cemerlang dalam peperiksaan. Pusat-pusat tuisyen, bak cendawan tumbuh selepas hujan kerana mendapat sambutan baik terutama di kawasan bandar yang terdapat ramai ibu bapa yang berkemampuan. Kini, kerajaan sendiri menyediakan kupon tuisyen percuma kepada murid-murid luar bandar demi untuk mengurangi jurang perbezaan antara murid di bandar dengan luar bandar dan atas alasan pendemokrasian pendidikan serta kesamarataan. Hal ini bertepatan dengan laporan oleh akhbar tempatan bahawa rakyat Malaysia membelanjakan RM43 juta setahun untuk tuisyen anak-anak (Rahimah Yusof, 2006).

Ujian aptitud yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar darjah 6 adalah untuk mengkaji potensi pelajar dari segi kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran membuat keputusan. Hasil ujian aptitud yang dijalankan pada tahun 2009 telah menunjukkan pelajar di negara kita mempunyai kemahiran berfikir yang lebih baik berbanding kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran membuat keputusan.



Berdasarkan data daripada ujian aptitud mendapati seramai 175,101 atau 34.34% memperolehi tahap 4 (markah tertinggi) dalam kemahiran berfikir manakala hanya 29,084 atau 5.70% sahaja pelajar yang memperolehi tahap 2 untuk kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan (Alimuddin Mohd Dom, 2009). Ini menunjukkan para pelajar di negara kita masih lagi mempunyai kelemahan dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Sistem pendidikan di negara kita yang menjurus kepada peperiksaan telah menyebabkan para pelajar lebih bertumpu kepada aspek akademik semata-mata. Aspek penyelesaian masalah dan membuat keputusan amat bertepatan dengan pelaksanaan PBS Prinsip Perakaunan kerana para pelajar dikehendaki menyediakan dokumen perniagaan, buku catatan pertama, lejar, penyata kewangan serta membuat analisis perniagaan yang diceburi.

Pada peperiksaan SPM 2008, seramai 89,993 orang calon telah menduduki kertas Prinsip Perakaunan SPM. Selepas keputusan peperiksaan SPM diterima, hanya seramai 19,343 atau 21.49% daripada mereka layak untuk memohon sijil *London Chambers Of Commerce And Industry* (LCCI) (KPM, 2009b). Ini jelas menunjukkan ketidakupayaan pelajar di negara ini untuk memahami dan menguasai subjek Prinsip Perakaunan dengan baik. Oleh sebab itu, tindakan LPM memperkenalkan kertas 3 (PBS) memenuhi keperluan LCCI dan *The Association Of Chartered Certified Accountants* (ACCA) untuk melahirkan modal insan profesional perakaunan peringkat sekolah bertaraf antarabangsa, berilmu dan dapat memanfaatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk diri sendiri, masyarakat, agama dan negara serta menyumbang kepada pembangunan negara maju 2020.

Dengan persoalan-persoalan ini, kajian ini akan mendapatkan persetujuan dan persepakatan daripada pakar apakah bentuk PBS yang sesuai bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan agar ia benar-benar memberi manfaat kepada pelajar dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam bidang ini sebagai usaha memenuhi wawasan negara.

1.5 RASIONAL KAJIAN

Aspek penilaian atau evaluasi terhadap sesuatu dasar merupakan komponen penting dalam proses pelaksanaan sesuatu dasar apatah lagi dalam sebuah kurikulum pendidikan yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan sebuah negara bangsa (*Nation*). Kajian ini dijalankan untuk memberikan alternatif kepada pihak LPM untuk menilai semula dan membuat penambahbaikan terhadap pelaksanaan PBS di sekolah menengah menurut perspektif guru-guru yang mempunyai pengalaman dalam bidang penilaian kerja kursus.

Guru-guru adalah sumber utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Para guru seharusnya diberi hak untuk mengemukakan pandangan agar dapat disesuaikan mengikut keperluan dan permasalahan yang dihadapi oleh para guru. Kajian mengenai PBS menunjukkan kefahaman guru merupakan punca kepada kejayaan dan kegagalan terhadap pelaksanaan konsep PBS. Justeru kajian ini akan cuba mencungkil apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh para guru yang berpengalaman lebih daripada



sepuluh (10) tahun dalam melaksanakan kerja kursus Prinsip Perakaunan dan apakah jangkaan mereka terhadap pelaksanaan PBS pada masa depan.

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dibuat ialah untuk :

- Mendapat persetujuan pakar tentang jangkaan mereka terhadap pelaksanaan PBS bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan.
- Mendapatkan maklum balas daripada guru-guru Prinsip Perakaunan tentang masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan PBS bagi mata pelajaran ini.

1.7 SOALAN KAJIAN

- Apakah kesepakatan panel pakar berkaitan dengan jangkaan pelaksanaan PBS mata pelajaran Prinsip Perakaunan pada masa depan?
- Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru Prinsip Perakaunan dalam melaksanakan PBS mata pelajaran Prinsip Perakaunan?



1.8 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Berdasarkan model-model penilaian, pengkaji telah menemui beberapa aspek yang boleh menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan pelaksanaan PBS. Pengkaji mengadaptasi ketiga-tiga model tersebut kerana melibatkan konstruk yang ingin dinilai dalam kajian ini. Dalam pelaksanaan penilaian berterusan, terdapat pelbagai peringkat yang perlu diberi perhatian iaitu pembangunan bahan-bahan seperti panduan guru, manual penilaian, skema penilaian, tugas pemeriksa, orientasi dan latihan oleh guru serta pentadbir pendidikan tentang bagaimana untuk melaksana dan memantau penilaian berterusan (Kapambwe, 2010). Ini menunjukkan aspek guru dan pentadbir sekolah memainkan peranan yang sangat penting dalam pelaksanaan PBS.

Selain itu juga, aspek masa memainkan peranan penting dalam PBS. Menurut Raffan (2001), salah satu kunci untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan memenuhi cabaran-cabaran lain dalam penilaian berasaskan sekolah ialah memberi masa yang mencukupi untuk melaksanakan PBS.

Raivoce dan Pongi (2001) mencadangkan kesahihan PBS bergantung kepada pelbagai tugas penilaian yang perlu dijalankan oleh pelajar. Setiap peringkat kelas akan mempunyai mod yang berbeza dalam penilaian mereka berdasarkan tahap pelajar (Lo Yiu Chun, 2005). Oleh sebab itu, aspek pelajar perlu diambil kira oleh guru-guru bagi memastikan kelancaran pelaksanaan PBS.

Isu sistem penyimpanan rekod (aspek pengurusan fail) yang cekap adalah satu isu kritikal yang mana ia boleh membantu kejayaan atau kegagalan pelaksanaan PBS. Guru dan pelajar dianjurkan untuk menyimpan rekod yang bermakna dan lengkap bagi memastikan proses pembelajaran menjadi lebih jelas dalam sistem perekodan (Grima, 2003).


Selanjutnya, aspek kewangan juga memainkan peranan penting dalam kejayaan PBS. Raffan (2001) menyatakan bahawa penilaian yang berkesan adalah sukar dan melibatkan kos yang mahal, namun ia adalah penting untuk pendidikan.

Di peringkat sekolah, guru besar memainkan peranan yang kritikal dengan melibatkan pelajar dan ibu bapa sebelum pelaksanaan bermula (Mutanekelwe & Mweemba, 2006). Jadi aspek ibu bapa perlu dilibatkan dalam pelaksanaan PBS.

Aspek terakhir ialah aspek prasarana. Kesukaran mendapatkan bahan-bahan pembelajaran menjejaskan persediaan pengajaran yang sesuai dan bahan-bahan pembelajaran dalam kurikulum baru iaitu PBS (Kapambwe, 2010).

Daripada perbincangan di atas, terdapat aspek-aspek yang boleh menyumbang kepada permasalahan dalam penilaian PBS. Aspek-aspek yang terlibat adalah aspek guru, aspek pentadbir, aspek pelajar, aspek prasarana, aspek masa, aspek kewangan, aspek ibu bapa dan aspek pengurusan fail. Berdasarkan setiap masalah yang dikenal pasti, kajian ini akan memberi cadangan atau jangkaan terhadap pelaksanaan PBS pada masa depan.

Selain aspek-aspek tersebut, pengkaji telah memasukkan satu aspek tambahan iaitu aspek pentaksiran bagi cadangan pelaksanaan PBS pada masa depan. Rajah 1.1 menggambarkan kerangka konseptual kajian ini secara menyeluruh.



Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian (diubah suai daripada Rohayah Ishak, 2007)



1.9 DEFINISI OPERASIONAL

Dalam kajian ini, terdapat tiga konsep utama yang akan diperincikan iaitu PBS, teknik Delphi dan panel pakar. Secara keseluruhan, PBS di dalam kajian ini adalah bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan di mana teknik Delphi digunakan untuk mendapatkan persetujuan panel pakar terhadap jangkaan PBS pada masa depan dan masalah yang timbul dalam pelaksanaan PBS.

1.9.1 Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS)

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (2001a) PBS merupakan suatu sistem penilaian yang dilaksanakan di peringkat sekolah di mana gred pemarkahan terhadap sesuatu tugas akan dilaksanakan oleh guru-guru yang mengajar mata pelajaran berkaitan. Alexander dan Parsons (1991) menggambarkan PBS yang diamalkan dalam sistem pendidikan di negara maju sebagai suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran menerusi mengenal pasti data yang berguna dan menggunakan data tersebut bagi tujuan penambahbaikan sekolah khususnya proses pengajaran dan pembelajaran guru. Ini bermakna PBS memberi fokus khusus kepada pencapaian objektif mata pelajaran yang merangkumi bidang pengetahuan, kemahiran dan nilai murni. Reka bentuk PBS juga memastikan keseluruhan pentaksiran mempunyai kerelevanan dan kecukupcukupan dari aspek kandungan dan sukatan pelajaran (Salbiah Ismail, 2010).





Ringkasnya, PBS yang diamalkan di Malaysia dan negara-negara maju menekankan konsep penilaian yang lebih bersifat formatif dan dilaksanakan secara berterusan berdasarkan kemampuan sekolah masing-masing. Pelbagai pendekatan digunakan bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid terhadap pengetahuan dan kemahiran mereka serta nilai-nilai murni agar guru berupaya untuk melaksanakan tindakan susulan.

1.9.2 Teknik Delphi

Kaedah Delphi merupakan satu proses pengulangan untuk mengumpul dan mendapatkan kesepakatan bersama panel pakar dengan menggunakan satu siri koleksi data (soal selidik) dan teknik analisis berdasarkan respons daripada panel pakar (Skulmoski, Hartman & Krahn, 2007). Selanjutnya, Crawford (1993) dan De Leo (2002) menegaskan terdapat empat aspek penting dalam mencapai keberkesanan dapatan bagi sesebuah kajian yang menggunakan teknik Delphi iaitu: a) suatu proses yang sulit di mana ahli panel pakar dipilih secara individu iaitu setiap mereka tidak mengenali di antara satu sama lain; b) hubungan di kalangan individu pakar adalah terpisah dan mereka hanya mengetahui jawapan di antara mereka menerusi edaran dapatan maklum balas dalam setiap pusingan; c) jawapan yang diberikan oleh setiap individu pakar terhindar daripada pengaruh paksaan; dan d) setiap maklum balas yang diberikan oleh panel pakar akan ditapis secara statistik dan ini menghindarkan maklumat diperolehi daripada unsur-unsur ketidakadilan.





Soal selidik yang direka bentuk berfokus kepada sesuatu masalah, peluang, penyelesaian masalah atau untuk melihat jangkaan masa depan. Setiap soal selidik yang dijalankan untuk pusingan seterusnya dibangunkan berdasarkan keputusan soal selidik yang sebelumnya. Proses ini akan berhenti apabila soalan kajian telah terjawab (Skulmoski *et al.*, 2007). Imran Yousuf (2007) menyatakan teknik Delphi merupakan satu kumpulan proses yang digunakan untuk meninjau dan mengumpul pendapat pakar dalam subjek tertentu. Proses ini melibatkan interaksi di antara penyelidik dan kumpulan yang telah dikenal pasti sebagai pakar dalam bidang tertentu melalui satu siri soal selidik.

Ringkasnya pendekatan teknik Delphi merupakan suatu metodologi untuk memperolehi tahap kesepakatan yang tinggi di kalangan panel pakar berkaitan sesuatu isu yang telah dikenal pasti dengan melaksanakan proses-proses mengenal pasti, penerangan, perincian dan persetujuan terhadap isu-isu yang dikemukakan oleh pengkaji.

1.9.3 Panel Pakar

Saedah Siraj dan rakan-rakan (2007) menyatakan pemilihan peserta kajian (panel pakar) adalah di kalangan individu yang mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang yang dinilai.

Selanjutnya (Skulmoski *et al.*, 2007) menyenaraikan empat kelayakan utama untuk seseorang peserta kajian memenuhi kriteria pakar iaitu 1) mempunyai pengetahuan





dan pengalaman berkaitan isu yang dikaji, 2) kecukupan masa untuk menyertai dalam kaedah Delphi, 3) kesanggupan dan kesediaan untuk menyertai; dan 4) mempunyai kemahiran komunikasi berkesan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengkaji telah menetapkan panel pakar yang akan terlibat di dalam kajian ini mestilah memenuhi beberapa kriteria yang ditetapkan iaitu:

- Individu tersebut memiliki pengalaman, pengetahuan serta kepakaran dalam menilai kerja kursus (PBS) bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan.
- Individu tersebut mempunyai pengalaman bertugas sebagai pendidik dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan melebihi 10 tahun.
- Individu tersebut berkesanggupan dan mempunyai masa untuk menyertai kajian ini.

1.10 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat memberikan input kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam pendidikan kerana mengikut Saedah Siraj *et al.* (2007), faktor konteks seperti dasar pendidikan sering mengalami perubahan yang mendadak seiring dengan tuntutan pihak berkepentingan dalam pendidikan terhadap sekolah.



Lembaga Peperiksaan Malaysia yang dipertanggungjawabkan dalam sistem penilaian pendidikan di Malaysia dan terlibat secara langsung di dalam menggubal sistem penilaian di peringkat menengah khususnya Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mempunyai hubungan rapat dengan kajian ini. Kajian ini mampu memberikan sedikit input kepada Lembaga Peperiksaan kerana responden terdiri daripada para guru yang berpengalaman yang melaksanakan penilaian tersebut.

Pusat Perkembangan Kurikulum selaku pihak yang diberikan tanggungjawab untuk menggubal kurikulum supaya sentiasa dinamik dan mengikut tuntutan pasaran tenaga dan keperluan negara turut mendapat manfaat daripada kajian ini. Dapatan kajian ini dapat memberikan gambaran tentang keupayaan murid untuk dijadikan garis panduan melakukan penambahbaikan terhadap kurikulum sesuai dengan kemampuan murid dan dapat memenuhi tuntutan pasaran kerja.

Pihak sekolah pula dapat mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengendalikan segala sumber yang ada dengan cekap agar dapat memberikan perkhidmatan pendidikan yang lebih berkesan kepada masyarakat. Selain itu juga, kajian ini memberi manfaat kepada masyarakat khususnya ibu bapa yang mengharapkan anak-anak mereka menjadi insan yang seimbang daripada aspek jasmani, intelek, rohani dan emosi.

Pihak-pihak lain termasuk agensi awam dan swasta yang memerlukan tenaga kerja yang kompeten dan mampu menangani cabaran dan masalah semasa serta memberi

sokongan kepada pihak sekolah untuk menjayakan PBS. Individu-individu yang membuat kajian berkaitan bidang penilaian juga boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan.

1.11 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada 12 orang guru mengikut zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon timur, barat, utara dan selatan. Kesemua mereka mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada sepuluh tahun dan terhad kepada mata pelajaran Prinsip Perakaunan sahaja. Hal ini menunjukkan pengkaji tidak mengambil kira pendapat daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Pusat Perkembangan Kurikulum kerana mereka adalah pembuat dasar dan bukan pelaksana dasar. Oleh itu mereka kurang arif tentang kesulitan dan cabaran yang dihadapi dalam proses pelaksanaan PBS. Pihak yang terlibat secara langsung dalam proses pelaksanaan ialah guru-guru. Kajian ini juga hanya mengambil kira aspek pelaksanaan kerja kursus sahaja dengan mengabaikan aspek objektif, kandungan dan penilaian kerja kursus (PBS) kerana pengkaji berpandangan bahawa faktor-faktor tersebut dapat dikawal oleh guru.

Di samping itu kajian ini tidak mengambil kira bentuk pelaksanaan PBS yang lain seperti ujian dan peperiksaan dalaman sekolah, latihan-latihan, latih tubi dan sebagainya. Penilaian yang menjadi tumpuan kajian pengkaji ialah kerja kursus yang diwajibkan kepada pelajar-pelajar dengan mengikut panduan format pentaksiran yang dikeluarkan

oleh LPM. Selain daripada itu dapatan kajian ini hanya terhad kepada pelaksanaan mata pelajaran Prinsip Perakaunan sahaja kerana bagi mata pelajaran lain mempunyai matlamat dan kaedah atau pendekatan yang berbeza serta masalah yang dihadapi juga mempunyai sedikit perbezaan.

Kajian ini juga melibatkan panel pakar di Semenanjung Malaysia yang mempunyai persekitaran dan sumber pelaksanaan PBS yang hampir sama. Oleh itu kemungkinan akan wujud beberapa isu atau persoalan yang tidak relevan dengan lokasi lain.

1.12 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, bab ini memberi gambaran menyeluruh tentang kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik. Bab ini membincangkan tentang pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian serta persoalan kajian. Selain itu juga, konsep-konsep berkaitan kajian diuraikan secara umum bagi memberi kefahaman kepada pembaca serta membantu penyelidik dalam menjalankan kajian ini. Gambaran yang jelas dalam bab ini akan membantu dan membimbing kajian dalam bab seterusnya.